



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 3/2022

PEMAKAIAN REKA BENTUK BAHARU KEPALA SURAT RASMI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

1. Pekeling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai Pemakaian Reka Bentuk Kepala Surat Rasmi UMK yang baharu.
2. Garis Panduan Reka Bentuk Kepala Surat Rasmi UMK telah diluluskan bagi menetapkan format agar keseragaman Kepala Surat Rasmi dapat dilaksanakan di semua Pusat Tanggungjawab (PTj) UMK. **Rujuk Lampiran.** Semoga dengan garis panduan ini dapat memberi penerangan yang jelas kepada seluruh warga UMK berkaitan penggunaan Reka Bentuk Kepala Surat Rasmi Universiti.
3. PTj perlu menguruskan sendiri proses perolehan kepala surat di bawah peruntukan bajet mengurus PTj masing-masing menggunakan tatacara perolehan kewangan universiti yang sedang berkuatkuasa.
4. Diharapkan seluruh warga UMK dapat menyambut baik pemakaian Reka Bentuk Kepala Surat Rasmi Universiti yang baharu dalam meningkatkan lagi imej korporat Universiti di dalam dan luar negara.
5. Pemakaian Reka Bentuk Baharu Kepala Surat Rasmi UMK berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.


Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


MAZULA BINTI SABUDIN

Pendaftar


1 MAC 2022

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT PENDAFTAR UMK/PEND/GRP/2021- 02	PINDAAN :- TARIKH PINDAAN : - MUKA SURAT : 1 / 3
	GARIS PANDUAN REKA BENTUK KEPALA SURAT RASMI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Kepala surat merupakan salah satu media komunikasi rasmi pada masa kini bagi memudahkan tugas-tugas harian dijalankan yang melibatkan perhubungan di antara Pusat Tanggungjawab (PTj) atau dengan pihak luar yang terdiri dari pelbagai agensi.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini dirangka bagi memberi panduan mengenai penggunaan dan tempahan Kepala Surat Rasmi Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- 2.2 Garis panduan ini menetapkan format agar keseragaman Kepala Surat Rasmi Universiti dapat dilaksanakan di semua PTj, UMK.
- 2.3 Garis panduan ini diharap dapat memberi pendedahan kepada staf yang akan menguruskan tempahan kepala surat mengikut ketetapan yang telah ditentukan oleh Universiti.

3.0 REKA BENTUK

- 3.1 Reka bentuk baharu Kepala Surat Rasmi Universiti mengandungi butiran seperti berikut:
- 3.1.1 Logo UMK;
 - 3.1.2 Alamat (UMK Bachok/ Kampus Kota/ Kampus Jeli);
 - 3.1.3 Laman Web UMK;
 - 3.1.4 Nombor Telefon;
 - 3.1.5 Nama PTj; dan
 - 3.1.6 Logo-logo (pengiktirafan dan anugerah) seperti berikut:
 - 3.1.6.1 *Accreditation Council for Entrepreneurial and Engaged University (ACEEU);*

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT PENDAFTAR UMK/PEND/GRP/2021- 02 GARIS PANDUAN REKA BENTUK KEPALA SURAT RASMI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PINDAAN :- TARikh PINDAAN : - MUKA SURAT : 1 / 3
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------

- 3.1.6.2 *QS World University Rankings*;
 - 3.1.6.3 *THE Impact Ranking 2021*;
 - 3.1.6.4 *Sustainable Development Goals*;
 - 3.1.6.5 Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015;
 - 3.1.6.6 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OHSMS) ISO 45001:2018; dan
 - 3.1.6.7 SETARA 2019.
- 3.2 Reka bentuk baharu Kepala Surat Rasmi Universiti adalah seperti di **Lampiran 1** (tidak berwarna bagi edaran dalaman) dan **Lampiran 2** (berwarna bagi edaran luaran).

4.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 4.1 PTj perlu mematuhi perkara sebagaimana berikut:-
- 4.1.1 PTj perlu menguruskan sendiri proses tempahan kepala surat PTj masing-masing mengikut templat yang telah disediakan.
- 4.1.2 Menguruskan pembayaran mengikut tatacara perolehan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Bendahari.
- 4.1.3 Spesifikasi kepala surat terbahagi dua (2) iaitu kepala surat dalaman dan luaran seperti berikut:-

a) Spesifikasi Kepala Surat (Dalaman)

- | | |
|----------|------------------------------|
| Cetakan | : Cetakan Tidak Berwarna |
| Saiz | : A4 (210 mm x 297mm) |
| Material | : Kertas Simili White 80 gsm |
| Warna | : CMYK |
| Format | : ai/ .pdf/ jpeg |

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT PENDAFTAR UMK/PEND/GRP/2021- 02 GARIS PANDUAN REKA BENTUK KEPALA SURAT RASMI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PINDAAN :- TARikh PINDAAN : - MUKA SURAT : 1 / 3
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------

b) Spesifikasi Kepala Surat (Luaran)

Cetakan : Warna
 Saiz : A4 (210 mm x 297mm)
 Material : Kertas Conqueror White
 Warna : CMYK
 Format : ai/ .pdf/ jpeg

5.0 KRITERIA-KRITERIA LAIN

5.1 PTj perlu memastikan:-

- 5.1.1 Sekiranya isi kandungan surat berlanjutan sehingga muka surat dua (2) dan seterusnya, hanya perlu menggunakan kertas A4 biasa dan bukan lagi kertas yang mengandungi reka bentuk kepala surat.
- 5.1.2 PTj perlu memastikan setiap kepala surat yang hendak dicetak adalah mengikut lokasi Jabatan masing-masing samada Bachok, Kampus Kota atau Kampus Jeli.

6.0 KESIMPULAN

Semoga dengan garis panduan ini dapat memberi penerangan yang jelas kepada seluruh warga UMK berkaitan penggunaan Kepala Surat Rasmi Universiti. Diharapkan seluruh warga UMK dapat menyambut baik perubahan Kepala Surat Rasmi Universiti selain meningkatkan lagi imej korporat Universiti serta mencapai hasrat Universiti dalam usaha penyeragaman Kepala Surat Rasmi Universiti.



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.

www.umk.edu.my

Tel : 09-7797000/7663

PEJABAT PENDAFTAR Registrar Office

Ruj. Kami (*Our Ref.*) :
Tarikh (*Date*) : _____

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST

2 cm



ACEEU
ACCREDITATION COUNCIL
FOR ENTREPRENEURIAL &
ENGAGED UNIVERSITIES



3 cm



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.

www.umk.edu.my

Tel : 09-7797000/7663

PEJABAT PENDAFTAR Registrar Office

Ruj. Kami (*Our Ref.*) :
Tarikh (*Date*) : _____

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST

2 cm



ACEEU
ACCREDITATION COUNCIL
FOR ENTREPRENEURIAL &
ENGAGED UNIVERSITIES



THE IMPACT
RANKINGS 2021

SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS



3 cm